



13 JAN, 2021

## Pusat penjaja baharu strategik

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 2

# Pusat penjaja baharu strategik

**SHAH ALAM** - Pusat penjaja baharu yang akan menempatkan peniaga Jalan Taqwa, Persiaran Puchong Permai terletak di kawasan strategik dan dilengkapi pelbagai kemudahan asas.

Timbalan pengarah Jabatan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berkata lokasinya yang bersebelahan tapak pasar tani menjadi tumpuan setiap Ahad.

Azfarizal Abdul Rashid memaklumkan tapak itu juga bersebelahan pusat perniagaan Uptown Puchong yang pernah

populer dalam kalangan penduduk.

"Bekas tapak Uptown Puchong bersebelahan pusat penjaja berkenaan akan dibangunkan sebagai medan selera dan padang bola pada tahun ini,"katanya dalam kenyataan.

Beliau menjelaskan premis tersebut turut menyediakan taman permainan kanak-kanak dan parkir yang luas bagi kemudahan pengunjung.

Jelas Azfarizal lagi, penjaja juga diberi tapak lebih besar berkeluasan 10x10 kaki

berbanding ukuran biasa 8x8 kaki selain kemudahan kios seragam bersaiz 6x3 kaki.

Tambahnya, pemindahan itu sebahagian inisiatif MBSJ bagi menempatkan semula penjaja sekitar Puchong Permai secara sistematik.

"Terdapat beberapa lagi penjaja yang dikenal pasti di kawasan berhampiran yang akan dipindahkan ke pusat penjaja tersebut bagi fasa seterusnya," kata Azfarizal.



13 JAN, 2021

## Pusat penjaja baharu strategik

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SHAH ALAM - Pusat penjaja baharu yang akan menempatkan peniaga Jalan Taqwa, Persiaran Puchong Permai terletak di kawasan strategik dan dilengkapi pelbagai kemudahan asas. Timbalan pengarah Jabatan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berkata lokasinya yang bersebelahan tapak pasar tani menjadi tumpuan setiap Ahad. Azfarizal Abdul Rashid memaklumkan tapak itu juga bersebelahan pusat perniagaan Uptown Puchong yang pernah

populer dalam kalangan penduduk.